D.R. 5/90

Naskhah Sahih—Bahasa Inggeris

# RANG UNDANG-UNDANG

*b e r n a m a*

Suatu Akta untuk meminda Akta Kawalan Bekalan 1961.

[ ]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-LJNDANG oleh Dull Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

Tajuk ringkas.

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kawalan Bekalan (Pindaan) 1990.

Pindaan seksyen 2. *Akta 122.*

*2.* Seksyen *2* (1) Akta Kawalan Bekalan 1961, yang dalam Akta ini disebut "Akta ibu", adalah dipinda—

*(a)* dengan menggantikan takrif "licensed premises" "licensed premises" means any premises dengan yang berikut:

specified in a licence issued by the Controller under this Act or any regulations made thereunder;'; dan

*(b)* dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan "Act" dalam takrif "prescribed", perkataan-perkataan "or any regulations made thereunder".

Pindaan seksyen 5.

3. Seksyen 5 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "Yang di-Pertuan Agong" dengan perkataan '"Minister".

Seksyen baru 5A.

4. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, seJepas sahaja seksyen 5, seksyen baru SA yang berikut:

"Power to exempt.

SA. The Minister may by order exempt, subject to any conditions as he may deem fit to impose, any person or class of persons from all or any of the provisions of this Act or any regulations made thereunder"

Pindaan seksyen 6.

5. Seksyen 6 (2) Akta ibu adalah dipinda—

*(a)* dengan rnemotong perkataan "and" yang terdapat di akhir perenggan *(n);*

*(b)* dengan menggantikan noktah yang terdapat di akhir perenggan *(o)* dengan koma bertitik dan perkataan "and"; dan

*(c)* dengan memasukkan, selepas sahaja perenggan *(o),* perenggan baru *(p)* yang berikut:

*"(p)* prescribing the offences under this Act which may be compounded, the amount of such compound and the procedure to be followed in compounding.".

Pindaan seksyen 7.

6. Seksyen 7 Akta ibu adalah dipinda—

*(a)* dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan "Act" dalam subseksyen (1); perkataan-perkataan "or any regulations made thereunder";

*(b)* dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan "Act" dalam baris 1 subseksyen (4), perkataan-perkataan "or any regulations made thereunder"; dan

(c) dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan "Act" dalam subseksyen (5), perkataan-perkataan "or any regulations made thereunder".

7. Seksyen 13 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan "Act" dalam subseksyen (I), perkataan-perkataan "or any regulations made thereunder". Pindaan seksyen 13

8. Seksyen 16 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "in accordance with section 7" dengan perkataan-perkataan "under this Act or any regulations made thereunder[1]'. Pindaan seksyen 16

9. Seksyen 16A Akta ibu adalah dipinda— Pindaan seksyen IfiA.

(a) dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan-perkataan "any controlled article," dalam subseksyen (1), perkataan-perkataan "or any person exempted from the requirement of holding such a licence,"; dan

(b) dengan memasukkan. selepas sahaja perkataan-perkataan "any controlled article" dalam subseksyen (3), perkataan-perkataan "or the servant or agent of any person exempted from the requirement of holding such a licence".

10. Seksyen 17 (1) Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "in accordance with section 7" dengan perkataan-perkataan "under this Act or any regulations made thereunder". Pindaan seksyen 17

11. Seksyen 18 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan "Act" dalam baris 2 subseksyen (1), perkataan-perkataan "or any regulations made thereunder". Pindaan seksyen 18

12. Seksyen 22 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "section 7" dalam subseksyen (3) dengan perkataan-perkataan "this Act or any regulations made thereunder". Pindaan seksyen 22.

Seksyen baru 22A.

13. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja seksyen 22, seksyen bam 22A yang berikut:

"Compounding of offences.

22A. (1) The Controller of Supplies or, in his absence, the Deputy Controller of Supplies may compound any offence which is prescribed to be a compoundable offence by collecting from the person reasonably suspected of having committed such offence a sum of money not exceeding such amount as may be prescribed.

(2) Upon receipt of the payment under subsection (1), no further proceedings shall be taken against such person in respect of such offence and where possession has been taken of any controlled article or any vehicle, vessel or other article or the proceeds of sale of any controlled article under this Act or any regulations made thereunder in connection with such offence, such controlled article, vehicle, vessel or other article or the proceeds of sale of any controlled article may be released, subject to such conditions as may be imposed.

(3) Where any person has compounded an offence under this Act or any regulations made thereunder, evidence of the notice of acceptance of the offer to compound shall, on production to any court, be treated as proof of the commission of the offence by that person and of the matters set out therein.

(4) The power to compound offences under subsection (I) shall be exercised by the Controller of Supplies or the Deputy Controller of Supplies personally.".

Pindaan seksyen 23

14. Seksyen 23 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan. selepas sahaja perkataan "Act" dalam baris 1, perkataan-perkataan "or any regulations made thereunder".

15. Seksyen 24 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan "Act" dalam subseksyen (1), perkataan-perkataan "or any regulations made thereunder". Pindaan seksyen 24.

16. Seksyen 24A Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan "Act" dalam baris 6, perkataan-perkataan "or any regulations made thereunder". Pindaan seksyen 24A.

17. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 27 dengan yang berikut: Pindaan seksyen 27.

"Jurisdiction of courts. 27. Notwithstanding anything to the contrary contained in any other written law, a court of a Magistrate of the First Class shall have jurisdiction to try any offence under this Act and to award the full punishment for any such offence.".

18. Seksyen 29 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan "Act" dalam subseksyen (1), perkataan-perkataan "or any regulations made thereunder". Pindaan seksyen 29.

## HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk membuat berbagai-bagai pindaan kepada Akta Kawalan Bekalan 1961.

2. *Fasal 2* bertujuan meminda takrif "licensed premises" bag! memperluaskan pengertiannya supaya termasuk premis-premis yang dilesenkan di bawah Akta dan premis-premis yang dilesenkan di bawah peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya.

3. *Fasal 3* bertujuan meminda seksyen 5 Akta untuk menggantikan Yang di-Pertuan Agong dengan Menteri sebagai pihak yang berkuasa untuk mengisytiharkan apa-apa barang atau makanan sebagai barang kawalan atau sebagai barang catuan.

4. *Fasal 4* bertujuan memasukkan seksyen baru 5A untuk membolehkan Menteri mengecualikan mana-mana orang atau golongan orang daripada keseluruhan atau mana-mana daripada peruntukan-peruntukan Akta atau apa-apa peraturan yang dibuat di bawahnya.

5. *Fasal 5* bertujuan memasukkan perenggan baru *(p)* ke dalam seksyen 6 untuk mernberi kuasa kepada Menteri membuat peraturan-peraturan bagi menetapkan jenis-jenis kesalahan yang boleh dikompaun, amaun kompaun itu dan prosedur yang kena diikuti dalam mengkompaun.

6. *Fasal 6,* 7, *11, 14, 15,16* dan *18* bertujuan meminda Akta untuk memasukkan suatu sebutan mengenai peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta.

1. *Fasal 8, 10* dan *12* bertujuan meminda Akta untuk meluaskan skop seksyen 16, 17 (1) dan 22 (3) untuk memasukkan keadaan-keadaan di mana lesen-lesen telah dikeluarkan di bawah peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta.

8. *Fasal 9* bertujuan meminda seksyen 16A untuk meluaskan skopnya supaya seseorang yang telah dikecualikan daripada kehendak memegang suatu lesen akan juga bersalah atas suatu kesalahan jika dia melakukan perbuatan-perbuatan yang dinyatakan dalam perenggan *(a)* dan *(b)* subseksyen (1).

9. *Fasal 13* bertujuan memasukkan seksyen baru 22A untuk memberi kuasa kepada Pengawal Bekalan atau Timbalan Pengawal Bekalan mengkompaun kesalahan-kesalahan yang telah ditetapkan sebagai boleh dikompaun. Kuasa ini hendaklah dijalankan sendiri oleh mereka.

10. *Fasal 17* bertujuan meminda seksyen 27 Akta untuk membolehkan mahkamah Majistret Kelas Satu membicarakan kesalahan-kesalahan di bawah Akta dan untuk memberi hukuman penuh bagi kesalahan sedemikian.

*IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U') 1557.]